



24 Mac 2012

SIARAN MEDIA BERSAMA

**Oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Dan MPMA Scientex Foundation**

USAHA KERAJAAN NEGERI MEMPROMOSI KITAR SEMULA

Melaka, 24 Mac 2012- Bertempat di Pantai Puteri, YBhg. Dato' Dr. Nadzri Bin Yahaya, Ketua Pengarah Jabatan pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah merasmikan majlis pelancaran MPMA-Scientex Foundation 3Rs Awareness Programme 2012. Program ini melibatkan penyertaan sebanyak 39 buah Sekolah Rendah dan 11 buah Sekolah Menengah di Negeri Melaka.

Merupakan tahun ketiga penganjurannya, MPMA- Scientex Foundation 3Rs Awareness Programme Tahun 2012 ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran orang ramai terutamanya pelajar-pelajar sekolah kepentingan memelihara alam sekitar dengan menggalakkan amalan 3R (Kurangkan, Guna Semula dan Kitar Semula).

Program ini bertujuan untuk mempromosikan dan meningkatkan kesedaran mengenai 3R kepada pelajar-pelajar sekolah melalui pendekatan yang lebih kreatif dengan menganjurkan pertandingan. Pertandingan ini merupakan platform untuk mereka mempamerkan bakat seni dan kreativiti. Antara pertandingan yang akan diadakan seperti Inovasi dari Bahan kitar semula, Melukis Poster, video 3R dan koleksi bahan-bahan kitar semula.

Menurut YBhg. Dato' Dr. Nadzri, Jabatannya telah terlibat dengan program ini sejak tahun 2010 lagi dan percaya program sebegini adalah contoh yang baik kerjasama diantara Kerajaan dan pihak swasta dan usaha-usaha sebegini amat diperlukan untuk menguruskan cabaran sisa pepejal di Malaysia. Beliau juga berharap usaha ini akan diteruskan pada masa akan datang kerana pengurusan sisa pepejal di Malaysia memerlukan penyertaan dari semua pihak sama ada pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) dan pemain (*players*) yang berkaitan, Badan Bukan Kerajaan (NGOs) dan yang paling penting adalah penyertaan dan sokongan daripada orang ramai.

"Kejayaan program ini bergantung kepada penyertaan yang aktif dari sekolah-sekolah yang terlibat, dan galakan para guru khususnya kepada pelajar-pelajar dalam aktiviti yang dijalankan," kata YBhg Tan Sri Dato' Mohd Sheriff bin Mohd Kassim, Pengerusi Pemegang Amanah, Scientex Foundation. Elemen yang paling penting adalah inisiatif pelajar-pelajar sekolah itu sendiri dalam membuat penyelidikan dan memahami lebih lanjut mengenai makna dan amalan 3R yang akan menentukan sama ada program ini telah mencapai objektifnya, "katanya lagi.

Program ini merupakan anjuran bersama MPMA- Scientex Foundation dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dengan sokongan Kerajaan Negeri Melaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pelancongan Malaysia dan SWM Environment Sdn Bhd.

Mengenai JPSPN

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) pada 17 Julai 2007 bagi mengintegrasikan sistem pengurusan sisa pepejal di peringkat nasional. JPSPN memainkan peranan dalam menyediakan dasar, perancangan strategik dan pengurusan sisa pepejal bersepadu (SWM) di peringkat makro. Selain bertanggungjawab untuk menggubal Peraturan-Peraturan lain sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta 672, Jabatan juga menetapkan standard, spesifikasi dan kod amalan.

Visi Jabatan ini adalah menyediakan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lestari, bersepadu, cekap, berkesan dan kos efektif

Mengenai MPMA

Persatuan Pengilang-Pengilang Plastik Malaysia (MPMA), yang ditubuhkan pada tahun 1967, merupakan persatuan perdagangan yang progresif dalam menyediakan kepimpinan dan perkhidmatan yang berkualiti kepada ahli-ahlinya dan industri plastik di Malaysia. MPMA merupakan pertubuhan rasmi industri plastik Malaysia, yang mewakili ahli-ahli dalam industri ini dalam berinteraksi dengan Kerajaan, menerajui pertumbuhan industri plastik, dan menyediakan platform untuk membantu ahli lebih berdaya saing di peringkat global dengan mengutamakan tanggungjawab sosialnya ke arah persekitaran masyarakat yang sihat dan selamat.

MPMA kini mempunyai lebih kurang 800 ahli yang terdiri daripada ahli-ahli biasa, yang mewakili kira-kira 60 peratus daripada pengeluar plastik di negara ini yang merupakan 80 peratus daripada jumlah pengeluaran produk plastik negara \

Mengenai Scientex Foundation

Scientex Foundation telah ditubuhkan pada 26 Jun 2008 Akta Syarikat, 1965 sebagai sebuah Yayasan Korporat yang berdaftar. Penubuhan ini didorong oleh keprihatinan Syarikat utamanya, Scientex Berhad, dalam isu-su berkaitan kesihatan dan alam sekitar

Ia adalah sebuah pertubuhan amal (*non-profit charitable organization*) yang dibiayai oleh sumbangan daripada Kumpulan Scientex Berhad serta sumbangan secara sukarela dari individu yang berminat dan organisasi swasta.

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan
&
MPMA – Scientex Foundations

Telefon : 03-8891 4561
: 03- 7876 3027

Faks : 03-8891 5557
: 03- 7876 8352

E-mail : siti_mariani@kpkt.gov.my
: sriumeswaran@mpma.org.my